

20/09/2003

Perkongsian kuasa BN jadi teras perpaduan

STADIUM Merdeka yang menjadi saksi sejarah gemilang kemerdekaan negara 46 tahun lalu, hari ini akan dibanjiri berpuluh ribu ahli dan pemimpin 14 parti komponen Barisan Nasional (BN) sempena perhimpunan raksasa merayakan sambutan ulang tahun ke-50 perkongsian kuasa pelbagai kaum dalam politik Malaysia. Rakyat sepatutnya turut sama menyambut ulang tahun ini kerana ia membuktikan kejayaan persatuan pelbagai bangsa yang menggembleng tenaga dan fikiran memajukan negara hasil perjuangan dan persefahaman di kalangan barisan pemimpin BN. Gabungan parti itu bukan saja mampu mewujudkan kestabilan politik, malah membangunkan negara dan memantapkan ekonominya sehingga menjadikannya contoh di kalangan negara membangun.

Bermula dengan kerjasama Umno dan MCA di bawah Perikatan untuk menghadapi pilihan raya majlis tempatan pada 1952, gabungan itu kemudian disertai MIC setahun selepas itu. Komponen Perikatan kemudian diperluaskan pada 1974 apabila parti dari Sabah dan Sarawak menyertainya dan nama gabungan itu ditukar kepada BN, yang kini sudah menjangkau usia 29 tahun. Sebagai sebuah parti yang mengikat bersama segala perbezaan politik melalui kata sepakat, BN telah membuktikan ia benar-benar mewakili kepentingan semua kaum dan warga Malaysia melalui semangat kerjasama dan kata sepakat yang baik di kalangan parti-parti komponennya.

Sememangnya, falsafah perjuangan BN yang menekankan perpaduan perlu bagi menjamin kesinambungan pembangunan negara serta mempertahankan martabat bangsa dan maruah negara untuk diwarisi generasi masa depan. Oleh itu, masyarakat perlu diyakinkan mengenai kewibawaan kerajaan BN yang berpegang kepada amalan demokrasi berparlimen dengan mengutamakan kebebasan rakyat memilih pucuk pimpinan menerusi pilihan raya. Ini penting kerana pemimpin dan rakyat perlu mewarisi tanggungjawab memelihara keamanan dan kesejahteraan bagi membolehkan usaha yang lebih mencabar iaitu menterjemah Wawasan 2020 menjadi kenyataan.

Sambutan kali ini juga begitu bermakna kerana ia adalah kali terakhir dihadiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN. Ternyata, BN berjaya melahirkan pucuk pimpinan yang berwawasan. Dr Mahathir bukan saja berkorban untuk negara dan rakyat, tetapi juga membela nasib negara lemah. Beliau berani memberi amaran kepada negara maju terutama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya berpendirian tegas demi membela nasib rakyat di negara membangun. Oleh itu, rakyat Malaysia harus berasa bangga kerana dengan wujudnya BN, pemerintahan negara dapat dikekalkan dalam keadaan aman dan harmoni.